Dr Abdul Rashid bin Abdul Majid lwn Yee Eh Farn

MAHKAMAH TINGGI (KUALA LUMPUR) — GUAMAN SIVIL NO S2(S6)–23–119 TAHUN 2001
AZMEL J
24 SEPTEMBER 2004

Acara Sivil — Pliding — Pembatalan writ dan penyataan tuntutan — Notis pengurusan kes telah difailkan — Sama ada mahkamah boleh membatalkan saman dan penyataan tuntutan pada peringkat ini — Sama ada kuasa untuk membatalkan pliding boleh digunakan secara sewenang-wenangnya

Afidavit — Keterangan — Keterangan afidavit — Sama ada keterangan dengar cakap boleh digunakan di dalam permohonan interlokutori — Sama ada deponen mesti menyatakan sumber maklumat, kepercayaannya kepada maklumat tersebut dan sebab-sebab kepercayaannya

Plaintif memfailkan writ saman dan penyata tuntutan terhadap defendan dan mendakwa defendan telah menulis dan menerbitkan sepucuk surat bertarikh 11 September 2001 ('surat tersebut') yang mengandungi perkataan-perkataan memfitnah plaintif. Surat tersebut dikatakan dibaca oleh kakitangan di klinik plaintif dan juga kakitangan di firma guaman Tetuan Rashid & Lee, di mana surat tersebut disalinkan. Kandungan surat tersebut adalah berkenaan dakwaan defendan yang kononnya plaintif telah melanggar terma-terma perjanjian sewaan yang dimasuki antara mereka berdua. Defendan di dalam pembelaannya mengakui menulis surat tersebut tetapi menafikan ianya ditulis dengan niat jahat. Defendan mendakwa fakta di dalam surat tersebut adalah benar dari segi bentuk dan isi kandungan. Tambah defendan lagi, beliau sendiri dan/atau agennya yang bernama Jeremy Yong telah membuat semakan dan mendapati plaintif melanggar terma-terma perjanjian sewaan. Ringkasnya, asas pembelaan yang dibangkitkan oleh defendan ialah justifikasi dan oleh kerana kebenaran isi kandungan surat tersebut jugalah menyebabkan surat itu dilindungi oleh perlindungan bersyarat.

Di dalam jawapan kepada pembelaan, plaintif mendakwa defendan tidak menyiasat sendiri fakta yang ditulis di dalam surat tersebut dan bertindak melalui keterangan dengar cakap Jeremy Yong semata-mata. Plaintif telah memfailkan notis pengurusan kes untuk mendapat arahan bagi penyediaan kes ke arah perbicaraan. Namun begitu, defendan telah memfailkan saman dalam kamar untuk membatalkan writ saman dan penyataan tuntutan plaintif di bawah A18 k 19(1)(b) atau (d) Kaedah-Kaedah Mahkamah Tinggi 1980 (KMT). Saman dalam kamar tersebut telah ditolak dengan kos oleh Penolong Kanan Pendaftar. Defendan memfailkan notis rayuan kepada hakim dalam kamar.

Diputuskan, menolak rayuan defendan dengan kos:

(1) Di bawah A 18 k 19 KMT, mahkamah boleh pada mana-mana peringkat prosiding membatalkan mana-mana pliding atau pengindorsan atau

apa-apa writ dalam tindakan (*Doree Industries (M) Sdn Bhd v Sri Ram & Co* [2001] 6 MLJ 532). Namun begitu, kuasa untuk membatalkan sesuatu tindakan tidak boleh digunakan secara berwenang dan hanya boleh digunakan terhadap tindakan yang secara jelas tidak boleh dipertahankan sahaja (lihat perenggan 9).

(2) Aturan 41 k 5(1) KMT 1980 memperuntukkan sesuatu fakta yang hendak dinyatakan di dalam sesuatu afidavit mestilah suatu yang boleh dibuktikan oleh deponen daripada pengetahuan sendiri. Tanpa membuat lawatan sendiri pastinya defendan tidak mengetahui keadaan sebenar premis yang disewakan itu. Walaupun kaedah kecil (2) membenarkan penggunaan keterangan dengar cakap di dalam permohonan interlokutori, deponen mestilah menyatakan sumber maklumat dan percaya kepada maklumat yang diberikan, dan sebab-sebab kepercayaannya kepada maklumat yang diberikan (lihat perengaan 13); *Dynacast (S) Pte Ltd v Lim Meng Siang & Ors* [1989] 3 MLJ 456.

(3) Defendan tidak menyatakan di dalam perenggan 11 afidavitnya bahawa agennya telah memaklumkan kepadanya keadaan premis tersebut hasil semakan yang dibuat ke atas premis tersebut defendan juga tidak menyatakan beliau percaya kepada maklumat yang diberikan dan tidak juga memberikan sebab-sebab kenapa beliau percaya kepada maklumat yang diberikan. Oleh itu perenggan 11 tidak boleh digunakan untuk menyokong permohonan defendan bagi membuktikan kebenaran kandungan surat tersebut mengenai perlanggaran terma perjanjian berkenaan dengan pemasangan kunci tambahan di premis tersebut. Natijahnya, defendan gagal menunjukkan bahawa plaintif telah melanggar terma perjanjian sewaan dengan mengubah kunci pada premis tersebut. Di dalam keadaan tersebut isu perlanggaran terma perjanjian sewaan masih belum terungkai dan perlu diselesaikan melalui perbicaraan (lihat perenggan 14).

(4) Pertikaian fakta di dalam tindakan ini perlu diputuskan melalui perbicaraan penuh melalui pemeriksaan saksi-saksi kedua-dua belah pihak. lanya tidak sesuai diputuskan selain daripada perbicaraan di mahkamah terbuka (perenggan 14).

[**Bahasa Malaysia summary**

The plaintiff filed a writ of summons and statement of claim against the defendant alleging the defendant had written and published a letter dated 11September 2001 ('the letter') that contained words defaming the plaintiff. The letter was alleged to have been read by the staff of the plaintiff's clinic and also the staff of the legal firm of Messrs Rashid & Lee, where the letter was copied. The content of the letter related to the defendant's allegation that the plaintiff had breached the terms of the tenancy agreement entered by

both of them. The defendant in his defence confessed he had written the letter but denied it was written in bad faith. The defendant alleged that the facts in the letter was true in form and content. The defendant added that he himself and/or his agent named Jeremy Yong had checked and found the plaintiff had breached the tenancy agreement. In short, the basis of the defence raised by the defendant was justification and it was also due to the credibility of the content of the letter that made the letter covered by conditional priviledge.

In reply to the defence, the plaintiff alleged that the defendant did not himself verify the facts written in the letter and acted mainly based on hearsay evidence of Jeremy Yong. The plaintiff had filed a management case notice to obtain an order for the preparation of the case in view of the hearing. However, the defendant had filed a summons in chambers to strike out the plaintiff's writ of summons and statement of claim under O 18 r 19(1)(b) or (d) of the Rules of the High Court 1980 ('the RHC'). The summons in chambers was dismissed with costs by the senior assistant registrar. The defendant had filed a notice of appeal to the judge in chambers.

Held, dismissing the defendant's appeal with costs:

(1) Under O 18 r 19 of the RHC, the court may at any stage of the proceeding strike out any pleadings or endorsements or any writ in the action (*Doree Industries (M) Sdn Bhd v Sri Ram & Co* [2001] 6 MLJ 532). However, the power to quash an action cannot be done hastily and can only apply in an action that is clearly unsustainable (see para 9).

(2) Order 41 r 5(1) of the RHC provides that any facts intended to be stated in an affidavit must be one that can be proven by the deponent from his own knowledge. Without making a visit himself it was impossible for the defendant to know the real condition of the premise rented. Even if sub-r (2) allows the application of hearsay evidence in an interlocutory application, the deponent must state the source of information and belief the information given, and the reasons for his belief of the information given (see para 13); *Dynacast (S) Pte Ltd v Lim Meng Siang & Ors* [1989] 3 MLJ 456 followed.

(3) The defendant did not state in para 11 of his affidavit that his agent had notified him the condition of the premise based on his search on the premise. The defendant also did not state that he believed the information given was true and also did not give any reason why he believed the information given. Therefore para 11 could not be admitted to support the defendant's application to prove the credibility of the content of the letter in relation to the breach of the terms of the agreement regarding the additional lock fixed on the premise. Hence, the defendant had failed to prove that the plaintiff had breached the terms of the tenancy agreement by changing the lock to the premise. In the circunstances, the

issue of the breach of the terms of the tenancy agreement was not solved and had to be settled through trial (see para 14).

(4) The disputed fact in this action had to be determined in full trial based on the examination of witnesses of both parties. It was not proper for a decision to be made other than in open court (see para 14).]

Nota-nota

Untuk kes-kes mengenai keterangan afidavit, lihat 7(1) *Mallal's Digest* (4th Ed, 2003 Reissue) paras 219–228.

Untuk kes-kes mengenai pembatalan writ dan penyata tuntutan, lihat 2(2) *Mallal's Digest* (4th Ed, 2004 Reissue) paras 1769–1796.

Kes-kes yang dirujuk

Bandar Builder Sdn Bhd & Ors v United Malayan Banking Corp Bhd [1939] 3 MLJ 36 (dirujuk)
Doree Industries (M) Sdn Bhd v Sri Ram & Co [2001] 6 MLJ 532 (dirujuk)
Dynacast (S) Pte Ltd v Lim Meng Siang & Ors [1989] 3 MLJ 456 (diikut)
Pet Far Eastern (M) Sdn Bhd v Tay Young Huat & Ors [1999] 5 MLJ 558 (dirujuk)

Undang–undang yang dirujuk

Kaedah-Kaedah Mahkamah Tinggi 1980 A 18 k 19(b), (d), A 41 k 5, (1), (2)

M Manoharan (M Manoharan & Co) bagi pihak plaintif.
Harjinder Kaur (Shahrizat Rashid & Lee) bagi pihak defendan.

Azmel J:

[1] Pada 10 Mei 2002 plaintif telah memfailkan writ saman dan penyata tuntutan terhadap defendan. Plaintif mendakwa defendan telah menulis dan menerbitkan sepucuk surat bertarikh 11 September 2001 yang mengandungi perkataan-perkataan memfitnah plaintif. Surat tersebut dibaca oleh kakitangan diklinik plaintif dan juga kakitangan di firma guaman Tetuan Rashid & Lee, di mana surat tersebut disalini. Kandungan surat tersebut adalah berkenaan dakwaan defendan yang kononnya plaintif telah melanggar terma-terma perjanjian sewaan yang dimasuki antara mereka berdua.

[2] Plaintif dikatakan gagal membayar sewa, tidak menjaga halaman premis yang disewa dengan kemas dan rapi, membuat tambahan kunci dan juga membenarkan penyewa berbayar tinggal di premis tersebut di mana perbuatan-perbuatan tersebut melanggar perjanjian sewaan yang dimasuki oleh kedua mereka. Defendan di dalam pembelaannya mengakui menulis surat tersebut tetapi menafikan ianya ditulis dengan niat jahat. Defendan mendakwa fakta didalam surat tersebut adalah benar dari segi bentuk dan isi kandungan. Tambah defendan lagi, beliau sendiri dan/atau agennya yang bernama Jeremy

Yong telah membuat semakan dan mendapati plaintif melanggar terma-terma perjanjian sewaan. Ringkasnya, asas pembelaan yang dibangkitkan oleh defendan ialah justifikasi dan oleh kerana kebenaran isi kandungan surat tersebut jugalah menyebabkan surat itu dilindungi oleh perlindungan bersyarat.

[3] Di dalam jawapan kepada pembelaan, plaintif mendakwa defendan tidak menyiasat sendiri fakta yang ditulis di dalam surat tersebut dan bertindak melalui keterangan dengar cakap Jeremy Yong semata-mata. Tambah plaintif lagi, beliau telah mendapat persetujuan dari defendan untuk membayar sewa bagi bulan Julai hingga September 2001 dengan menggunakan wang deposit sewa. Defendan di dalam rejoinder yang difailkan setelah mendapat kebenaran mahkamah menafikan memberi kebenaran kepada plaintif untuk menggunakan wang deposit sewa untuk membayar sewa untuk bulan Julai hingga September 2001.

[4] Pada 1 Mac 2002 plaintif telah memfailkan notis pengurusan kes untuk mendapat arahan bagi penyediaan kes kearah perbicaraan. Namun begitu, pada 9 Mei 2002 defendan telah memfailkan saman dalam kamar (kand 13) untuk membatalkan writ saman dan penyataan tuntutan plaintif di bawah A 18 k19(1)(b) atau (d) Kaedah-kaedah Mahkamah Tinggi 1980 (KMT). Kandungan 13 telah ditolak dengan kos oleh Penolong Kanan Pendaftar pada 23 September 2002. Defendan memfailkan notis rayuan kepada hakim dalam kamar (Kand 19). Setelah mendengar penghujahan kedua-dua belah pihak, saya telah mengekalkan keputusan Penolong Kanan Pendaftar. Terkilan dengan keputusan tersebut, defendan kini merayu ke Mahkamah Rayuan.

[5] Plaintif mengikrarkan dua afidavit bagi menyokong permohonannya. Afidavit-afidavit tersebut diikrarkan pada 7 Mei 2002 dan 11 Jun 2002 (kand 12 dan 17). Fakta yang material yang dideposkan di dalam afidavit defendan berkenaan dengan permohonan untuk membatalkan tindakan plaintif boleh diikhtisarkan seperti berikut. Pada 11 Ogos 1999 plaintif dan defendan telah memasuki satu perjanjian sewaan (eks A) di mana defendan bersetuju menyewakan premis miliknya yang dikenali sebagai No 5, Jalan Terkis, Taman PRamlee, Setapak, 53000 Kuala Lumpur kepada plaintif. Antara terma-terma perjanjian sewaan yang relevan ialah penyewaan adalah untuk tempoh selama dua tahun dari 15 Ogos 1999 sehingga 30 September 2001; sewa bulanan adalah sebanyak RM1,200.00 yang perlu dibayar pada atau sebelum 5 haribulan setiap bulan; Plaintif perlu menjaga halaman premis dengan kemas dan bersih dan tidak memotong apa-apa pokok atau tanaman yang ada di premis tersebut; Plaintif tidak akan melepaskan milikan premis atau sebahagian premis kepada sesiapa tanpa kebenaran defendan; Plaintif tidak boleh menyewakan premis atau menerima tetamu berbayar; dan juga plaintif tidak boleh menukar atau menambah lubang kunci pada mana-mana pintu atau tingkap. Perjanjian sewaan juga memperuntukkan jika terdapat bayaran yang tertunggak dan ianya gagal dijelaskan dalam tempoh 14 hari dari tarikh sepatutnya bayaran dibuat, maka perjanjian sewaan tersebut akan ditamatkan. Defendan mengatakan oleh

kerana perjanjian sewaan akan berakhir pada 30 September 2001, beliau pada 13 Jun 2001 telah menghantar e-mel (eks 'B') kepada plaintif bertanyakan sama ada plaintif berhasrat untuk menyambung penyewaan. Pada 26 Jun 2001 defendan telah sekali lagi menghantar e-mel kepada plaintif berkenaan dengan perkara yang sama dan pada tarikh yang sama plaintif membalas melalui e-mel dengan menyatakan beliau tidak berhasrat untuk menyambung perjanjian sewaan. Salinan e-mel plaintif dan defendan bertarikh 26 Jun 2001 ialah eks 'C'. Melalui e-mel bertarikh 1 Julai 2001 dan 4 Julai 2001 (eks 'D') defendan mengingatkan plaintif berkenaan dengan tunggakan sewaan dan meminta tunggakan tersebut dijelaskan. Oleh kerana tiada jawapan diterima daripada plaintif, pada 11 September 2001 defendan telah menghantar sepucuk surat (eks 'E') mendakwa plaintif telah memungkiri perjanjian sewaan. Eksibit 'E' inilah yang didakwa oleh plaintif mengandungi perkataan-perkataan yang memfitnahnya. Kandungan yang material eks 'E' yang menjadi asas tuntutan plaintif terhadap defendan berbunyi seperti berikut:

> Non-payment of rent for 5 Jalan Terkis, Taman P Ramlee, Setapak, 53000 KL
>
> This is to notify you that you have defaulted on the payment of rent for the above property for the last three months, July August and September which was payable in advance on or before the 5th day of every month of the said term, according to the contract that we have signed.
>
> Take notice that you have also breached several term and conditions outlined in the contract that we have both signed on the 11th day of August 1999.

[6] Defendan mendakwa kandungan surat tersebut adalah benar dari segi fakta dan isi kandungan kerana plaintif sememangnya telah gagal membayar sewaan untuk bulan Julai hingga September 2001 dan telah membuat perubahan pada kunci premis. Defendan selanjutnya mendakwa agen beliau yang bernama Jeremy Yong telah membuat semakan dan mendapati plaintif telah tanpa persetujuan defendan telah mengubah atau menukar atau menambah lubang kunci pada beberapa pintu dan tingkap dan/atau telah membuat anak kunci tambahan untuk beberapa lubang kunci.

[7] Di dalam afidavit jawapannya di kand 14, plaintif menyatakan oleh kerana defendan membangkitkan pembelaan justifikasi dan perlindungan bersyarat, defendan mempunyai beban untuk membuktikan pembelaan-pembelaan yang dibangkitkan itu. Lantaran itu terdapat isu-isu yang perlu dibicarakan. Seterusnya, plaintif mendakwa eks 'E' telah dikeluarkan secara melulu dan hanya berpandukan kepada keterangan dengar cakap Jeremy Yong tanpa sebarang penyiasatan oleh defendan sendiri. Di dalam kand 17, defendan mendakwa walaupun pembelaan justifikasi dan perlindungan bersyarat dibangkitkan, ianya tidak melupuskan hak defendan untuk membatalkan tindakan plaintif. Defendan mengulangi semula dakwaan bahawa plaintif sememangnya gagal membayar sewaan untuk bulan Julai hingga September 2001. Defendan mendakwa setelah plaintif keluar daripada premis tersebut

Jeremy Yong telah membuat semakan ke atas premis tersebut pada 5 Oktober 2001 dan telah mengambil beberapa keping gambar. Gambar-gambar yang diambil menunjukkan bahawa plaintif telah meninggalkan beberapa barangan di premis tersebut dan premis tersebut berada di dalam keadaan tidak baik. Gambar berkenaan ialah eks 'I'.

[8] Daripada apa yang diperturunkan di atas tadi, secara ringkasnya dapat dibuat kesimpulan bahawa permohonan defendan untuk membatalkan tindakan plaintif bersandarkan kepada dakwaan bahawa kandungan suratnya adalah benar. Kerana itulah defendan ingin membatalkan tindakan plaintif yang dikatakan merupakan suatu yang mengaibkan, remeh dan menyusahkan serta juga merupakan suatu penyalahgunaan proses mahkamah. Di bawah A 18 k 19 KMT, mahkamah boleh pada mana-mana peringkat prosiding membatalkan mana-mana pliding atau pengindorsan atau apa-apa writ dalam tindakan (lihat *Doree Industries (M) Sdn Bhd v Sri Ram & Co* [2001] 6 MLJ 532). Namun begitu, kuasa untuk membatalkan sesuatu tindakan tidak boleh digunakan secara berwenang dan hanya boleh digunakan terhadap tindakan yang secara jelas tidak boleh dipertahankan sahaja (lihat *Pet Far Eastern (M) Sdn Bhd v Tay Young Huat & Ors* [1999] 5 MLJ 558). Mahkamah Agung (pada masa itu) di dalam kes *Bandar Builder Sdn Bhd & Ors v United Malayan Banking Corp Bhd* [1939] 3 MLJ 36 melalui Mohamed Dzaiddin HMA (sebagaimana ianya pada masa itu), di dalam membuat keputusan berkenaan prinsip yang terpakai di bawah A 18 k 19 KMT 1980 memutuskan seperti berikut:

> The principles upon which the court acts in exercising its power under any of the four limbs of O 18 r 19(1) of RHC are well settled. *It is only in plain and obvious cases that recourse should be had to the summary process under this rule* (per Lindley MR in *Hubbuck & Sons Ltd v Wilkinson, Heywood & Clark Ltd* [1899] 1 QB 86), and *this summary procedure can only be adopted when it can be clearly seen that a claim or answer is on the face of it 'obviously unsustainable'* (see *AG of Duchy of Lancaster v L & NW Rly Co* [1982] 3 Ch 274). It cannot be exercised by a minute examination of the documents and facts of the case, in order to see whether the party has a cause of action or a defence (see *Wenlock v Moloney & Ors* [1965] 1 WLR 1238; [1965] 2 All ER 871). The authorities further show that if there is a point of law which requires serious discussion, an objection should be taken on the pleadings and the point set down for argument under O 33 r 3 (which is in pan materia with our O 33 r 2 of the RHC) (see *Hubbuck & Sons Ltd v Wilkinson, Heywood & Clark Ltd* [1899] 1 QB 86). The court must be satisfied that there is no reasonable cause of action or that the claims are frivolous or vexatious or that the defences raised are not arguable. (Emphasis added.)

[9] Oleh itu perlu dikaji sama ada tindakan plaintif atas nilai zahirnya tidak boleh dipertahankan. Untuk tujuan tersebut, perlu ditelusuri segala pliding dan afidavit-afidavit yang telah difailkan oleh kedua-dua belah pihak. Defendan mendakwa kandungan surat tersebut adalah benar sementara plaintif menyatakan sebaliknya. Perlu saya katakan walaupun plaintif di dalam afidavit jawapan dikand 14 tidak menjawab secara khusus mengenai dakwaan kegagalan membayar

sewa tetapi plaintif di dalam jawapan kepada pembelaan yang telah difailkan mendakwa telah mendapat kebenaran daripada defendan untuk membayar sewa tertunggak dengan menggunakan wang deposit sewaan. Defendan di dalam rejoinder yang difailkan menyangkal dakwaan plaintif itu. Telah berlaku pertembungan dakwaan berkenaan kegagalan membayar sewaan. Pertikaian fakta ini menjadikan kebenaran apa yang didakwa oleh defendan tidak sesuai diputuskan melalui afidavit-afidavit yang telah difailkan. Hanya melalui pemeriksaan saksi-saksi semasa perbicaraan penuh sahaja ianya dapat diputuskan dengan muktamad kebenaran dakwaan masing-masing.

[10] Berkenaan dengan isu pengubahan kunci dipremis tersebut defendan mendakwa beliau membuat semakan ke atas premis tersebut untuk menunjukkan ianya benar-benar berlaku. Setelah meneliti sehalusnya afidavit defendan saya sangsi kepada kebenaran dakwaan tersebut. Bagi saya, adalah amat mustahil untuk defendan membuat pemeriksaan sendiri ke atas premis tersebut memandangkan defendan tidak tinggal di Malaysia. Alamat kediaman yang diberikan oleh defendan di dalam afidavit sokongannya ialah di No 159, Sutherland St, Paddington, NSW 2021, Australia. Juga di dalam afidavitnya, defendan tidak ada menyatakan tarikh lawatan yang beliau telah buat ke atas premis tersebut. Tidak juga dinyatakan beliau ada pulang ke Malaysia pada mana-mana masa. Oleh itu, adalah amat munasabah untuk membuat penetapan fakta bahawa defendan sendiri tidak melawat premis tersebut. Jalan tunggal untuk defendan mengetahui keadaan premis yang disewakan ialah melalui maklumat yang berpunca daripada Jeremy Yong, agen defendan. Saya lebih cenderung untuk percaya bahawa defendan mendapat maklumat daripada agennya. Ini boleh diperhatikan kepada pengataan defendan di perenggan 11 Kandungan 12 di mana defendan menyatakan seperti berikut:

> 11 Atas penyemakan oleh saya dan/atau agen saya bernama Jeremy Yong, saya telah mendapati bahawa plaintif tanpa persetujuan dari saya atau agen saya telah membuat perubahan atau menukar atau menambah lubang kunci pada beberapa pintu atau tingkap-tingkap dan/atau telah membuat anak kunci tambahan untuk beberapa lubang kunci.

[11] Di dalam pengataan di atas, defendan mendeposkan atas semakan beliau sendiri dan/atau agennya beliau mendapati plaintif telah meminda kunci premis tersebut. Perlu diambil perhatian bahawa seseorang deponen hanya boleh mengikrarkan apa-apa fakta di dalam afidavitnya di mana fakta tersebut boleh dibuktikan olehnya daripada pengetahuannya sendiri. Aturan 41 k 5(1) dan (2) KMT 1980 memperuntukkan seperti berikut:

> Tertakluk kepada A 14 k 2 (2) dan 4(2) kepada perenggan (2) kaedah ini dan mana-mana perintah yang dibuat di bawah A 38 k 3, sesuatu afidavit hanya boleh mengandungi apa-apa fakta yang boleh dibuktikan oleh deponen daripada pengetahuannya sendiri.
>
> (2) Sesuatu afidavit yang diangkat sumpah bagi maksud digunakan dalam prosiding interlokutori boleh mengandungi per-nyataan tentang maklumat atau kepercayaan berserta dengan sumber-sumber dan alasan-alasannya.

[12] Aturan di atas memperuntukkan sesuatu fakta yang hendak dinyatakan di dalam sesuatu afidavit mestilah suatu yang boleh dibuktikan oleh deponen daripada pengetahuan sendiri. Tanpa membuat lawatan sendiri pastinya defendan tidak mengetahui keadaan sebenar premis yang disewakan itu. Walaupun kaedah kecil (2) membenarkan penggunaan keterangan dengar cakap di dalam permohonan interlokutori, deponen mestilah menyatakan sumber maklumat dan percaya kepada maklumat yang diberikan, dan sebab-sebab kepercayaannya kepada maklumat yang diberikan. Isu penggunaan keterangan dengar cakap dalam permohonan interlokutori telah dibincangkan oleh Chao Hick Jin JC di dalam kes *Dynacast (S) Pte Ltd v Lim Meng Siang & Ors* [1989] 3 MLJ 456, satu kes daripada Singapura di mana peruntukan yang terpakai di dalam kes tersebut adalah *pari materia* dengan A 41 k 5 KMT 1980. Pada ms 459 diputuskan seperti berikut:

> Turning to the second ground, the argument here rests on O 41 r 5 of RSC. As a general rule an affidavit may contain only such facts as the deponent is able of his own knowledge to prove. Rule 5(2) of O 9 creates an exception and provides that 'an affidavit sworn for the purpose of being used in interlocutory proceedings may contain statements of information or belief with the sources and grounds thereof. In *Savings and Investment Bank v Gasco* [1984] 1 WLR 271 at p 282, Gibson J said:
>
> > To my mind the purpose of r 5(2) is to enable a deponent to put before the court in interlocutory proceedings, frequently in circumstances of great urgency, facts which he is not able of his own knowledge to prove but which, the deponent is informed and believes, can be proved by means which the deponent identifies by specifying the sources and grounds of his information and belief.
>
> In *Re JL Young Manufacturing Co* [1900] 2 Ch 753 it was held that an affidavit of information and belief, not stating the source of the information or belief, was irregular and therefore inadmissible as evidence. Of course, that case was governed by the then rule, O 38 r 3 of the Rules of the Supreme Court 1883, which provided that 'affidavits shall be confined to such facts as the witness is able of his own knowledge to prove, except on interlocutory motions, on which statements as to his belief, with the grounds thereof, may be admitted …'. While the wording of that rule may be different from our present O 41 r 5, I am of the opinion that in substance the meaning of the two rules is the same.
>
> In *Savings and Investment Bank* [1984] 1 WLR 271, the court applied *Re JL Young Manufacturing Co* [1900] 2 Ch 753 and held that statements of information or belief have no probative value unless the sources and grounds of the information and belief are revealed.

[13] Defendan tidak menyatakan di dalam perenggan 11 tersebut bahawa agennya telah memaklumkan kepadanya keadaan premis tersebut hasil semakan yang dibuat ke atas premis tersebut defendan juga tidak menyatakan beliau percaya kepada maklumat yang diberikan dan tidak juga memberikan sebab-sebab kenapa beliau percaya kepada maklumat yang diberikan. Oleh itu adalah menjadi penghakiman saya bahawa perenggan 11 tidak boleh digunakan untuk

menyokong permohonan defendan bagi membuktikan kebenaran kandungan surat tersebut mengenai perlanggaran terma perjanjian berkenaan dengan pemasangan kunci tambahan di premis tersebut. Natijahnya, defendan gagal menunjukkan bahawa plaintif telah melanggar terma perjanjian sewaan dengan mengubah kunci pada premis tersebut. Di dalam keadaan tersebut isu perlanggaran terma perjanjian sewaan masih belum terungkai dan perlu diselesaikan melalui perbicaraan. Pertikaian fakta di dalam tindakan ini perlu diputuskan melalui perbicaraan penuh melalui pemeriksaan saksi-saksi kedua-dua belah pihak. Ianya tidak sesuai diputuskan selain daripada perbicaraan di mahkamah terbuka. Di dalam keadaan tersebut saya menolak rayuan defendan dengan kos.

Rayuan defendan ditolak dengan kos.

Reported by K Krishnan